

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN WONG LING BIU  
[ SARIKEI ]  
TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah syarikat perniagaan ditutup semasa wabak COVID-19. Apakah rancangan Kementerian untuk membantu mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan Kaji Selidik Ke Atas Usahawan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP3.0), yang telah dijalankan oleh MEDAC pada 15 hingga 28 Jun 2021 mendapati bahawa sebanyak 3.16% atau sebanyak 37,415 usahawan telah berhenti beroperasi atau gulung tikar. Majoritinya adalah usahawan mikro iaitu sebanyak 26,007 dan diikuti dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebanyak 2,738.
2. MEDAC telah membentuk satu jawatankuasa khas atau *Taskforce* di peringkat Kementerian bagi membantu usahawan berdepan dengan impak pandemik COVID-19. Melalui pembentukan jawatankuasa ini, pihak Kementerian sedang mengambil tindakan segera dalam tempoh jangka pendek di bawah sasaran KPI 100 hari dengan memberi fokus kepada 3 pendekatan utama seperti berikut:

**NO. SOALAN: 30**

- (i) Memulihkan usahawan dan koperasi terjejas melalui bantuan pembiayaan dan pemberian moratorium merangkumi 26 program dengan implikasi kewangan sebanyak RM7.06 billion dan melibatkan 192,541 penerima manfaat;
- (ii) Membantu golongan yang hilang pekerjaan, belia dan graduan menceburi bidang keusahawanan yang mengandungi pelaksanaan 15 program dengan peruntukan sebanyak RM40.4 juta dan melibatkan 2,570 penerima manfaat; dan
- (iii) Memperkukuhkan daya tahan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui adaptasi teknologi yang merangkumi pelaksanaan 11 program dengan peruntukan sebanyak RM14.8 juta dan melibatkan 8,950 penerima manfaat.

Sekian, terima kasih.